

Kekangan akses internet jejas e-pembelajaran

► Kuala Lumpur

Pelajar harus terbabit secara aktif dalam proses pembelajaran dalam talian menerusi interaksi dengan pensyarah dan rakan sebaya, namun elemen itu masih pada tahap minimum dalam pelaksanaan e-pembelajaran di universiti awam.

Timbalan Naib Yang Dipertua Media & Perhubungan, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM), Ahmad Fahmi Yusoff, berkata capaian dan akses internet yang terhad antara faktor penurunan minat pelajar untuk mengambil bahagian dalam proses pembelajaran itu.

Pelajar Sarjana Muda Sains Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan itu berkata akses dan kelajuan internet terhad terutama antara waktu pagi hingga tengah hari apabila kebanyakan pelajar menggunakan aplikasi Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (SCL) untuk menyelesaikan tugas.

Beliau berkata, kesukaran sama dihadapi pelajar untuk mengemas kini pendaftaran subjek dan menyemak keputusan pada awal dan akhir semester menggunakan Sistem Maklumat Pelajar kerana terlalu ramai pelajar menggunakan aplikasi itu pada masa yang sama.

“Proses memuat turun dan menghantar tugas



“

KADANGKALA AGAK HAMPA APABILA MENGAKSES SISTEM PENGURUSAN PEMBELAJARAN (LMS) NAMUN MENDAPATI MODUL KURSUS TIDAK DIKEMAS KINI OLEH PENSYARAH DENGAN KANDUNGAN KURIKULUM YANG TERKINI”

Mohd Zuryn Mohd Daud,
Yang Dipertua MPP PKB

kepada pensyarah menerusi SCL sememangnya mendapat sambutan pelajar kerana dapat menjimatkan penggunaan kertas.

“Namun begitu, tidak semua pelajar dapat memeriahkan interaksi menerusi aplikasi itu kerana akses terhad akibat capaian internet yang lemah,” katanya.

Beliau berkata pensyarah mengambil inisiatif menggalakkan pelajar berinteraksi menerusi medium pembelajaran dalam talian itu dengan memberi markah kepada pelajar yang memberi komen terhadap sesuatu topik dibincangkan menerusi aplikasi sembang atau sidang video.

Interaksi sosial pensyarah, pelajar

Selain meningkatkan kemudahan capaian internet, katanya, penyertaan pelajar juga dapat ditingkatkan menerusi kemudahan aplikasi web 2.0 termasuk blog, Facebook dan YouTube yang menekankan aspek pembinaan pengetahuan melalui kolaborasi antara pelajar dalam suasana terbuka, tidak berstruktur dan berciri sosial.

“Apabila pelajar terbabit secara aktif dalam persekitaran e-pembelajaran yang berpusatkan pelajar serta membabitkan proses interaksi sosial yang aktif dan santai, mereka akan memperoleh pelbagai pengalaman dan pengeta-



“

PROSES MEMUAT TURUN DAN MENGHANTAR TUGASAN KEPADA PENSYARAH MENERUSI SCL SEMEMANGNYA MENDAPAT SAMBUTAN PELAJAR KERANA DAPAT MENJIMATKAN PENGGUNAAN KERTAS”

Ahmad Fahmi Yusoff,
Timbalan Naib Yang Dipertua Media & Perhubungan, MPP UPM

huan yang lebih mendalam hasil daripada proses pembelajaran timbal balik.

“Pensyarah serta pelajar harus bekerjasama untuk mewujudkan interaksi ini manakala kandungan kursus yang menarik dan visual paparan aplikasi yang ceria mampu memangkin pembabitkan penuntut dalam e-pembelajaran,” katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua MPP Politeknik Kota Bharu (PKB), Mohd Zuryn Mohd Daud, berkata e-pembelajaran memudahkan proses komunikasi namun memerlukan pensyarah memberi maklum balas atau mengemas kini kandungan kursus pada kadar segera.

Katanya, proses pembelajaran dalam talian itu bermanfaat menggalakkan pelajar belajar sesama sendiri tanpa pensyarah namun penuntut juga berharap mendapat maklum balas segera daripada tenaga pengajar.

“Kadangkala agak hampa apabila mengakses Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) namun mendapati modul kursus tidak dikemas kini oleh pensyarah dengan kandungan kurikulum yang terkini,” katanya.

Mohd Zuryn berkata, kesukaran mendapat akses internet di kampus PKB menghadkan penggunaan e-pembelajaran untuk membudayakan penguasaan bahasa Inggeris saja dalam kalangan pelajar.

“Pensyarah menggalakkan kami menggunakan aplikasi e-pembelajaran ini untuk menggalakkan komunikasi dalam bahasa Inggeris menerusi WhatsApp dan Facebook terutama bagi membiasakan kami dengan penggunaan bahasa antarabangsa itu,” katanya.